

03 SEP 1998

Anwar-Reaksi (Mohamed)

PELUCUTAN ANWAR TIDAK JEJASKAN BN, KATA TOK MAT

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Pelucutan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan tidak akan menjejaskan perpaduan dalam Barisan Nasional (BN), kata Setiausaha Agung BN Datuk Seri Mohamed Rahmat hari ini.

"Pelucutan itu tidak akan meninggalkan kesan buruk kepada BN dan saya percaya anggota komponen parti dalam BN akan memahami dan dapat menerima keputusan yang diambil oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian RTM sebagai hos penyiar Sukan Komanwel Ke-16 di Angkasapuri di sini, Mohamed yang juga Menteri Penerangan berkata, BN pernah menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran pada masa lalu dan daripada segi pengalaman ianya tidak pernah menjejaskan perpaduan BN.

Sebagai contoh, katanya sewaktu bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam meletakkan jawatan dulu ianya tidak sedikitpun menjejaskan parti.

"Apa yang mustahak sekarang ialah semua anggota komponen parti dan ahli parti bersatu padu dan mendokong kepimpinan kerajaan kerana perpaduan penting buat masa ini bagi Malaysia menghadapi sebarang dugaan dan cabaran sama ada yang datang dari dalam maupun luaran," katanya.

Mohamed berkata keutuhan BN adalah berasaskan kepada perpaduan dan diharapkan perpaduan itu akan tetap utuh walaupun berlaku perkara-perkara yang mengejutkan.

Beliau juga meminta rakyat supaya bersabar dalam menghadapi isu itu.

"Kita tunggu penjelasan lanjut (daripada kerajaan) tentang tindakan itu.. tentu ada sebab yang cukup kuat mengapa keputusan itu di buat... oleh itu bersabarlah," katanya.

Mengenai sama ada BN akan mengadakan mesyuarat bagi memberi penjelasan terhadap tindakan itu, Mohamed berkata sehingga kini beliau belum mendapat arahan mengenai perkara itu.

Mohamed berkata beliau akan bertanya kepada Dr Mahathir selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO malam ini sama ada perlu BN mengadakan mesyuarat bagi memberi penjelasan mengenai isu itu.

-- BERNAMA

AKT KHY